

PENGUNAAN KONSONAN *ṢĀD* (ص), *SĪN* (س), DAN *THĀ'* (ث) DALAM SISTEM TULISAN JAWI¹

Ab. Halim Mohamad

ABSTRAK

Dalam sistem ejaan Rumi, Konsonan *ṣād* (ص), *sīn* (س), *thā'* (ث) ditulis dengan [s] seperti perkataan *solat*, *salji*, *sebab* dan *salah*. Perkataan ini ditulis dalam ejaan Jawi berdasarkan sebutan yang betul seperti صلاة, سألته dan سبب. Penggunaan konsonan *ṣād* (ص), *sīn* (س), *thā'* (ث) dalam sistem tulisan Jawi menjadi masalah kepada pengguna Melayu. Mereka tidak tahu membezakan penggunaan yang betul antara *ṣād* (ص), *sīn* (س), *thā'* (ث). Mereka mengeneralisasikan bunyi-bunyi tersebut dengan satu simbol sahaja dalam tulisan Rumi iaitu dengan simbol [s] tanpa pertimbangan sistem sebutan (*phonetic*) yang betul. Kertas kerja ini bertujuan menghurai sejauh mana pengguna *ṣād* (ص), *sīn* (س), *thā'* (ث) dapat dipraktis dengan betul dalam kalangan pelajar Melayu. Selain daripada itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengemukakan cadangan perubahan kepada sistem tulisan Jawi yang diguna pakai sekarang ini agar ianya bersifat mesra pengguna. Kajian ini berbentuk kuantitatif dimana respondennya terdiri daripada 45 orang pelajar Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Kajian mendapati bahawa pelajar Melayu bermasalah menggunakan konsonan tersebut dalam sistem tulisan Jawi yang ada sekarang. Kajian ini mencadangkan supaya sistem tulisan Jawi perlu dipinda berdasarkan kaedah fonetik dan fonologi serta perubahan sebutan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu bagi memudah proses pembelajaran dan pengajaran Jawi di Malaysia.

Kata kunci: konsonan, ejaan Jawi, sebutan, sistem fonetik

THE USE OF CONCONANTS *ṢĀD* (ص), *SĪN* (س), AND *THĀ'* (ث) IN JAWI WRITING SYSTEM

ABSTRACT

*In Rumi spelling system, the conconant of *ṣād* (ص), *sīn* (س), *thā'* (ث) are written with [s] such as the word *solat*, *salji*, *sebab* dan *salah*.*

¹ Artikel ini sebahagian daripada hasil penyelidikan FRGS fasa 1/2016 yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPT) (FRGS/1/2016/SS09/UPM/02/1)

These words are written in Jawi writing according to the correct pronunciation such as صلاة, تلجي, سيب and ساله. The use of the conconant ṣād (ص), sīn (س), thā' (ث) in the Jawi writing system is problem for Malay users. They can not distinguish the right use between ṣād (r), sīn (o), thā' (w). They generalize the sounds with only one symbol [s] which is used in Rumi's writing without the proper phonetic system. This paper aims to describe how far the using of conconant's ṣād (ص), sīn (س), thā' (ث) can be practically practiced among Malay students. Additionally, this study also aims to present a proposed change to the current Jawi writing system in order to be more user-friendly. This is a quantitative study which uses 45 students as a research respondents from the Department of Malay Language, Faculty of Modern and Communication Languages, Universiti Putra Malaysia. The study found that Malay students had problems using the mentioned conconants in the current Jawi writing system. This study suggests that the Jawi writing system needs to be revised based on phonetic and phonological methods as well as the change in pronunciation practiced by the Malay community to facilitate the learning and teaching process of Jawi writing in Malaysia.

Keywords: *conconant, Jawi writing, pronunciation, phonetic.*

PENGENALAN

Sistem tulisan Jawi di Malaysia telah melalui beberapa proses perubahan dan penyemakan. Beberapa kaedah telah dikemukakan oleh beberapa tokoh seperti kaedah ejaan Jawi Za'ba (1931), Matlob (1989), Panduan Ejaan Jawi (1986), Hamdan (2015), Mohd Hussein (2002), Daftar Kata Bahasa Melayu (2005), Che Siah (2006) dan lain-lain. Sistem atau kaedah ejaan Jawi yang digunapakai sekarang ialah sistem yang berasaskan Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD) yang telah dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1986 hasil keputusan Konvensyen Tulisan Jawi tahun 1984 anjuran Pusat Islam. Pada tahun 1993 telah berlangsung seminar kebangsaan yang khusus tentang tulisan Jawi yang bertempat di pejabat Perdana Menteri Malaysia. Hasil pembentangan, cadangan dan resolusi seminar tersebut telah disemak dan disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal Ejaan Jawi Pusat Islam dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1993-1994. Ikutan daripada itu lahirlah buku Daftar Ejaan Jawi tahun 2005.

Dalam konteks pengajaran ejaan Jawi, terdapat arahan khas daripada Kementerian Pendidikan Malaysia yang mahukan kaedah Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD) ini diajar di sekolah-sekolah. Arahan ini jelas melalui surat rasmi yang telah dikeluarkan oleh Asiah Abu Samah bekas Ketua pengarah pendidikan Malaysia yang berbunyi “Mulai dari tarikh ini Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (PEJYD) itu hendaklah digunakan di semua sekolah rendah, sekolah menengah, maktab-maktab perguruan, di dalam buku teks dan peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan dan Majlis Peperiksaan Malaysia serta dalam semua sektor dan masyarakat di seluruh Negara” (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1992).

Selepas beberapa tahun pelaksanaan kaedah tulisan PEJYB, ia ditukar pula dengan kaedah Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM) berdasarkan Buku Daftar Kata Bahasa Melayu (Rumi-Sebutan-Jawi) (Cet. Pertama 2001, Edisi Kedua Cetakan Kedua 2008) telah diterbitkan dengan mengetengahkan beberapa kategori kaedah utama ejaan Jawi iaitu ejaan lazim, ejaan tradisi, ejaan mengikut hukum, ejaan lampau hukum dan ejaan pinjaman serta serapan. Kaedah pelengkap ejaan juga diketengahkan dalam kamus ini seperti ejaan gelinciran, penggunaan huruf hamzah dan ejaan imbuhan.

Kaedah PUEJBM yang diguna sekarang diedaptasikan daripada kaedah Za‘ba (1931) selepas berlaku banyak perubahan. Ini sesuai dengan apa yang disuarakan oleh Za‘aba bahawa “Kaedah ejaan Jawi ini belumlah pernah diatitkan orang betul-betul dari dahulu, melainkan masing-masing ikut sedap sendiri sahaja meniru-niru apa yang dibiasakan orang, tetapi tiada syak bahawa dalam kebiasaan orang itu ada beberapa kaedah tetap yang boleh dibuatkan undang-undangnya” (Za‘ba, 2009: xxxii).

Mohd Hussein (2002) menyatakan bahawa kaedah ejaan Jawi Za‘ba banyak kesamaran pada sebutan dan memerlukan penambahan huruf vokal (alif, waw dan ya’) pada sesetengah perkataan bagi menghilangkan kesamaran tersebut. Ismail dan Mashur penyunting buku Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM) cetakan 2004 menjelaskan bahawa kaedah Za‘ba telah diubah mengikut kaedah fonologi dan bentuk perkataan bahasa Melayu yang telah dibahagikan kepada tiga kumpulan. Pertama, perkataan Melayu asli. Kedua, Perkataan Melayu yang dipinjam daripada bahasa Arab.

Ketiga, perkataan Melayu yang dipinjam daripada bahasa Inggeris. Ketiga-tiga kumpulan ini mempunyai kaedah ejaan yang berbeza. Perbezaan yang jelas ialah dalam mengeja perkataan pinjaman Arab yang secara umumnya dengan mengekalkan gambaran asal perkataan tersebut dalam bahasa Arab.

Walaupun usaha kerajaan untuk memertabatkan tulisan Jawi telah dilakukan melalui seminar, persidangan, konvensyen, bengkel, pertandingan, klinik Jawi, carnival dan lain-lain lagi, tetapi masyarakat Malaysia masih lagi menyambut dingin terhadap tulisan Jawi. Nik Rozila dalam kajiannya menyatakan bahawa Penguasaan pelajar dalam Jawi adalah lemah terutama dalam aspek-aspek yang diuji (2007:161). Faizal mendapati segelintir pelajar mahasiswa pengajian Islam UKM kurang meminati tulisan Jawi Walaupun mereka mempelajari tulisan Jawi bermula pada awal usia enam tahun (2009: 155). Ia bukan sahaja disebabkan oleh kekurangan minat para pelajar atau sistem pendidikan yang tidak memberi kredit kepada tulisan Jawi. Ia mungkin bermula daripada kaedah yang bercelaru dan kurang mantap serta tidak mesra pengguna yang menyebabkan mereka kurang berminat. Hal seperti inilah yang menuntut supaya kajian berkaitan sistem tulisan Jawi terus dilakukan bagi memertabatkannya demi servival masa depan.

Permasalahan Kajian

Banyak kaedah ejaan dalam penulisan Jawi masih belum selesai dan mengelirukan pengguna dan pengamalnya. Melalui pemerhatian pengkaji, kaedah penulisan Jawi dilihat tidak begitu tersusun dan tidak tekal. Perubahan yang dilakukan dalam sistem PUEJBM tidak berasaskan hujah yang jelas sehingga banyak mendatangkan masalah dan kecelaruan. Kecelaruan berlaku pada penggunaan vokal (*alif*, *yā'* dan *waw*) dan konsonan seperti penggunaan *qāf* (ق) dan *kāf* (ك), antara *zai* (ز) dan *dhāl* (ذ), antara *sīn* (س), *thā'* (ث), *shin* (ش) dan *ṣād* (ص), antara (ح) dan (هـ), *ṭā'* (ط) dan *tā'* (ت) dan seupamanya. Selain daripada itu berlaku juga kekeliruan ejaan perkataan pinjaman Arab, dimana ada perkataan pinjaman yang diubah ejaannya dan ada yang dikekalkan. Ini semua merupakan masalah dalam tulisan Jawi yang memerlukan kepada satu kaedah yang konsisten yang berpandukan kepada teori fonetik yang betul dan boleh diterima.

Sistem PUEJBM yang digunapakai sekarang ini tidak dapat memberi hujah yang kukuh bagaimana penggunaan konsonan *ṣād* (ص), *sīn* (س), *thā'* (ث) yang ditulis dengan [s] dalam tulisan Rumi seperti perkataan

solat, *salji*, *sebab* dan *salah* dapat dibezakan oleh pengguna tulisan Jawi dari kalangan orang Melayu. Adakah mereka dapat menulis perkataan tersebut dalam tulisan Jawi dengan betul seperti *تَلْجِي*, *سَلْجِي* and *سَلَّيْ*? Adakah mereka tahu asal usul perkataan tersebut daripada bahasa Arab? Adakah mereka tahu bentuk tulisan asalnya dan kenapa perlu dikekalkan dalam bentuk tulisan asalnya walaupun perubahan fonen dari segi sebutan telah berlaku?

Mengikut huraian fonetik, Fonem [s] bersifat frikatif alveolar tak bersuara (Indirawati & Abdul Hamid, 2016:118) atau bersifat geseran, tak bersuara dan gigi-gusi (Nor Hashimah, 2015:31-35). *Sād* (ص) merupakan suara geseran, tak bersuara, tebal dan gigi-gusi. *Thā'* (ث) merupakan suara geseran, tak bersuara, nipis dan gigi. Manakala *sīn* (س) pula merupakan suara geseran, tak bersuara, nipis, dan gigi-gusi (Manaf Mahdi, 1998: 90). Beliau menjelaskan bahawa fonem [s] sama dengan fonem [s], manakala [ص] sifatnya lebih tebal dipadankan dengan simbol [ʃ] dan [ث] dipadankan dengan simbol [t̪ = ɵ] (Ibid, 1998: 116). Ini bermakna fonem [s] paling hampir dengan fonem [س], manakala fonem [ص] dan fonem [ث] yang ada dalam Bahasa Melayu adalah pinjaman daripada bahasa lain yang kebanyakannya dipinjamkan daripada Bahasa Arab. Jika diperhatikan kepada asal usul kosa kata bahasa Melayu dalam entri *ṣād* (ص), dan *thā'* (ث) dalam kamus Pustaka Melayu – Arab, didapati semuanya berasal daripada bahasa asing yang kebanyakannya daripada bahasa Arab.

Amat Juhari menjelaskan bahawa dalam linguistik sejarawi, perubahan fonem pada perkataan pinjaman Arab telah berlaku supaya dapat disesuaikan dengan bunyi-bunyi bahasa Melayu. Hal ini berlaku kerana lidah Melayu sukar untuk melafazkan sesetengah perkataan pinjaman Arab. Hal ini mendorong orang Melayu melakukan perubahan dan penyesuaian bunyi (2016, 31-32). Perubahan fonen Arab dan penyesuaiannya terjadi dengan jelas sekali seperti [ع] menjadi [a], [غ] menjadi [g], [ق] menjadi [k], [ظ] menjadi [z], [ض] menjadi [d], [ث] menjadi [s], [ص] menjadi [s], [ش] menjadi [s], [ح] menjadi [h] dan sebagainya (Ibid, 2016: 31-40).

Mengikut Carmel Heah (1989), kata pinjaman dalam sesebuah bahasa dapat diklasifikasikan kepada empat bahagian, iaitu:

- i) Kata pinjaman tidak berasimilasi, iaitu yang tidak mengalami perubahan dalam sistem ejaan (Carmel, 1989: 99) seperti *حج* *رمضان مبارك*, *عيد مبارك*, *مبارك* dan banyak lagi perkataan yang

tersenarai dalam kamus yang jarang digunapakai (lihat Amat Juhari, 2016).

- ii) Kata pinjaman separa asimilasi, iaitu leksikal pinjaman yang mengalami perubahan morfem (Carmel, 1989: 103), seperti سجود, سوجود, قوات, هيئت قوة, همة.
- iii) Kata pinjaman asimilasi penuh, iaitu leksikal yang berlaku perubahan bentuk pada kata asal tersebut. Perubahan bentuk mencerminkan kemasukan yang baru ke dalam bahasa. Ia juga bergantung kekerapan kenggunaannya dalam bahasa. Dalam kebanyakan kes, bentuk ini telah menjadi sebahagian daripada bahasa (BM) sejak lama dahulu dan menjadi sebahagian kata umum. Leksikal jenis ini mengalami proses asimilasi lengkap dari segi sistem ejaan dan menyebabkan kebanyakan orang melayu tidak tahun asal usul bahasa tersebut bahkan menganggapnya sebagai bahasa Melayu (Carmel, 1989: 103), seperti سوجود, علمو, سوجود, روجوع, واجه, بادن, صيفت, عقيدة, عبادة (sujud, ilmu, rujuk, wajah, badan, sifat, akidah dan ibadah) daripada asal perkataan Arab سوجود, علم, روجوع, وجه, بدن, صفة.
- iv) Kata pinjaman asimilasi sistem ejaan, iaitu sebutan dalam bahasa asalnya menyamai sebutan dalam bahasa pinjaman, tetapi yang membezakannya ialah bentuk ejaan yang dieja berdasarkan bunyi seperti cek (BM) daripada cheque (BI) dan gezet (BM) daripada gazette (BI) (Ibid, 1898: 103) dan sujud سوجود, hakim حاكم, rukun ركن, kafir كافر (BM) daripada سوجود, حاكم, ركن, كافر (BA).

Kata pinjaman asimilasi separa, penuh dan asimilasi sistem ejaan bahasa Arab ini dapat dilihat dengan jelas dan menjadi masalah dalam sistem ejaan Jawi. Ini kerana tiada kesepadanan antara sebutan dan penggunaan simbul (fonen) dalam sistem ejaan Jawi. Sebagai contoh, ejaan Rumi menggunakan fonen [s] pada perkataan *solat*, *sahabat*, *salji*, *selasa*, *sebab* manakala dalam ejaan Jawi menggunakan fonen yang berbeza iaitu [ص, ث, س]. Kaedah tulisan Jawi ini memperlihatkan bahawa penulisan kata pinjaman Arab harus dikekalkan kecuali penambahan vokal *alif*, *ya'* dan *wau* pada sesetengah perkataan. Hal ini menimbulkan banyak kesukaran kepada pengguna tulisan Jawi kerana kebanyakan mereka tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang sejarah dan aspek sosiol budaya Melayu dan Arab. Mereka kurang arif penggunaan fonen yang berbeza iaitu [ص, ث, س] dalam ejaan Jawi. Oleh sebab itu, mereka menggunakan fonen [س] yang sepadan dengan fonen [s] seperti dalam tulisan Rumi.

Sekiranya masalah perubahan fonen dan morfem bagi kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu dapat diatasi dengan baik oleh pengamal bahasa Inggeris di Malaysia seperti *screw* menjadi *skru*, *gazette* menjadi *gezet*, *discussion* menjadi *diskusi*, *communication* menjadi *komunikasi*, *community* menjadi *komuniti*, *driver* menjadi *derebar*, *book* menjadi *buku* dan sebagainya, maka kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu seharusnya mengalami perubahan yang sama untuk disesuaikan dengan lidah Melayu dan bagi menjadikan tulisan Jawi lebih mudah didekati dan dipelajari.

Persoalan Kajian

Berdasarkan huraian dalam permasalahan kajian di atas, secara ringkasnya kajian ini bertolak daripada persoalan berikut:

- 1) Sejauh mana tahap penguasaan fonem [ص، ث، س] dalam kalangan pengguna Melayu dalam sistem tulisan Jawi berdasarkan kaedah Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM)?
- 2) Bagaimanakah pendekatan yang sesuai yang patut diambil untuk menyelesaikan masalah penggunaan fonem [ص، ث، س] dalam sistem tulisan Jawi yang dihadapi oleh pengguna Melayu?

Objektif Kajian

- 1) Mengenal pasti tahap kecekapan pengguna Melayu terhadap fonem [ص، ث، س] dalam sistem tulisan Jawi berdasarkan kaedah Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM).
- 2) Mengemukakan pendekatan yang sesuai yang boleh diambil untuk menyelesaikan masalah penggunaan fonem [ص، ث، س] dalam sistem tulisan Jawi yang dihadapi oleh pengguna Melayu khususnya dan bukan Melayu Amnya.

Kaedah Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang melibatkan 45 responden yang terdiri pelajar Bachelor Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia. Mereka adalah pelajar semester 6 bagi sesi pengajian 2017/2018. Kesemua responden diminta menduduki ujian dalam tempoh 15 minit dan dilakukan 15 November 2017 di bilik Kuliah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Soalan mengandungi 60 perkataan bahasa Melayu ditulis dalam tulisan Rumi. Pelajar diminta menulis perkataan tersebut dalam tulisan Jawi. Justifikasi pemilihan pelajar tersebut kerana mereka telah mempelajari tulisan Jawi dan sebagai pelajar

universiti mereka seharusnya mendapat pendedahan tentang tulisan Jawi yang menjadi warisan bangsa yang berharga.

Kebanyakan perkataan yang diuji terdiri daripada kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu. Ini bertujuan untuk melihat penguasaan mereka dalam penggunaan fonem [ص، ث، س] yang ditulis dalam ejaan Rumi menggunakan simbol [s]. Perkataan tersebut seperti dalam jadual (1) di bawah:

Jadual (1): Senarai Perkataan Bahasa Melayu Dalam Ejaan Rumi Yang Diminta Supaya Menulis Dalam Ejaan Jawi

Bil.	Tulisan Rumi	Bil.	Tulisan Rumi	Bil.	Tulisan Rumi	Bil.	Tulisan Rumi
1	salat	9	salji	17	Silatu-rahim	24	tasawuf
2	sabar	10	sabit	18	subuh	25	silsilah
3	sawab	11	selasa	19	tasrif	26	saham
4	sahifah	12	taksub	20	tashih	27	sebab
5	sahabat	13	fasal	21	tasdik	28	sanawi
6	safar	14	fasih	22	tasbit	29	salib
7	saf	15	sanubari	23	saum	30	selawat
8	sufi	16	suhuf				

Analisis Data Perbincangan

i) Pencapaian Pelajar

Daripada jumlah 45 orang pelajar yang menduduki ujian, hanya seorang pelajar (2.2%) mendapat markah baik (B), seorang pelajar (2.2%) mendapat markah sederhana baik (B-), seorang pelajar (2.2%) mendapat markah kurang memuaskan (C-). Jumlah pelajar yang mendapat gred F yang dianggap gagal paling ramai iaitu 42 orang (93.3%). Pencapaian pelajar berdasarkan gred dapat dilihat dalam jadual (2) di bawah:

Jadual 2: Pencapaian Pelajar Berdasarkan Gred

Markah	Gred	Bil. Res.	%	Tahap
80-100	A	0	0	Cermelang
75-79	A-	0	0	Sangat baik
70-74	B+	0	0	Sangat Baik
65-69	B	1	2.2	Baik
60-64	B-	1	2.2	Sederhana baik
55-59	C+	0	0	Memuaskan

43 | Penggunaan Konsonan *Ṣād* (ص), *Sīn* (س), dan *Thā'* (ث) dalam Sistem Tulisan Jawi

50-54	C	0	0	Memuaskan
47-49	C-	1	2.2	Krg memuaskan
44-46	D+	0	0	Lemah
40-43	D	0	0	Sangat Lemah
0-39	F	42	93.33%	Gagal
Total		45	100%	

ii) Analisis Kesalahan Ejaan

Hasil ujian mendapati bahawa majoriti pelajar melakukan kesalahan yang sangat ketara sekali. Pelajar masih lemah dalam penggunnan konsonan atau fonem [ص، ث، س] dalam sistem ejaan Jawi. Kebanyakan pelajar menggunakan fonem [س] ketika menulis perkataan yang diuji bagi menggantikan fonem [s]. Contoh kesalahan tersebut boleh dilihat dalam jadual (3) di bawah:

Jadual 3: Contoh Kesalahan Ejaan Jawi oleh Pelajar

Bil.	Rumi	Ejaan Betul	Ejaan Salah	Bil.	Rumi	Ejaan Betul	Ejaan Salah
1	salat	صلاة	صالت/ صلت	16	fasih	فصيح	فاسه/ فاسح
2	sabar	صبر	صابر/ سبر	17	Sanu-bari	صنوبري	صنوباري/ سانوباري
3	sawab	ثواب	صواب/ ساواب	18	sanawi	ثنوي	ساناوي/ سانوي
4	sahifah	صحيفة	سحيفاح/ صاهيفة	19	salib	صليب	ساليب/ سلب
5	sahabat	صحابت	ساحبة/ صحبة	20	selawat	صلوات	سلاوات/ ثالوت
6	safar	صفر	سفر/ سافر	21	Silatu-rahim	صلة الرحيم	سيلاتورهم/ سيلاتورهم
7	saf	صف	سف/ ساف	22	subuh	صبح	سوبوه/ سوبوح
8	sufi	صوفي	سوفي/ ثوفي	23	tasrif	تصريف	تسريف/ تصرف
9	suhuf	صحف	صوهوف/ سوحوف	24	tashih	تصحيح	تسرحه/ تسهيه
10	saum	صوم	ساوم/ صاوم	25	tasdik	تصديق	تسدق/ تسدق
11	salji	ثلجي	سلجي/ ساجي	26	tasbit	تنبيت	تسبيت/ تسببة
12	sabit	ثابت	سابيت/ تاساوف	27	tasawuf	تصوف	تاساوف/ تاساوف

44 | Penggunaan Konsonan *Ṣād* (ص), *Sīn* (س), dan *Thā'* (ث) dalam Sistem Tulisan Jawi

		سبب			تصحوف
13	selasa	ثلاث	سلاس / سلاسا	28	سلسيله / سلسيله
14	taksub	تعصوب	تعصوف / تمصوب	29	ساهام / ساحم
15	fasal	فصل	فاسل / فصل	30	سبب / سوباب

Note: Ejaan Jawi yang betul dalam jadual 3 berdasarkan buku “*Daftar kata bahasa Melayu Rumi – Sebutan – Jawi*” Edisi Kedua Cetakan Kedua 2016. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur

Jadual (3) menjelaskan contoh kesalahan yang dilakukan oleh responden. Mereka menulis *saf*, *salji* dan *saham* menggunakan fonem [س] seperti سف, سلجي, dan ساهم. Responden tidak dapat membezakan antara fonen [ص], [ث], dan [س] dengan baik. Dari segi artikulasi sebutan, ketiga-tiga bunyi tersebut mempunyai sifat dan artikulasi yang berbeza. Kesalahan tersebut disebabkan dua faktor. Pertama, sebutan fonen [ص] dan [ث] sudah diasimilasikan dan disesuaikan dengan sebutan Melayu yang paling hampir dengan sebutan fonen [س] atau [s]. Kedua, kegagalan responden mengenalpasti asal usul dan bentuk tulisan perkataan tersebut, sama ada kata pinjaman atau asal perkataan bahasa Melayu menyebabkan mereka menggunakan bunyi asal Bahasa Melayu [s] atau [س] dalam tulisan mereka.

Pendekatan Fonetik

Sifat dan artikulasi fonen [س], [ث], dan [ص] berbeza seperti yang dinyatakan dalam bahagian permasalahan kajian di atas. *Ṣād* (ص) merupakan suara geseran, tak bersuara, tebal dan gigi-gusi. *Thā'* (ث) merupakan suara geseran, tak bersuara, nipis dan gigi. Manakala *sīn* (س) pula merupakan suara geseran, tak bersuara, nipis, dan gigi-gusi. Fonen-fonen tersebut ada dalam senarai konsonan bahasa Arab yang asli yang dipakai dalam sebutan perkataan dan dibezakan dengan jelasnya. Tetapi dalam bahasa Melayu, fonen [ث] dan [ص] adalah pinjaman dan tidak wujud dalam perkataan asal Melayu serta tidak dapat dibezakan oleh orang Melayu dengan baik melainkan mereka yang berpendidikan agama. Bunyi fonen [ص] dan [ث] sudah diasimilasikan dengan bunyi [س] dalam masyarakat Melayu. Jika diperhatikan kepada asal usul kosa kata bahasa Melayu dalam entri *ṣād* (ص), dan *thā'* (ث) dalam kamus Pustaka Melayu – Arab, didapati semuanya berasal daripada bahasa asing yang kebanyakannya daripada bahasa Arab.

Apabila sebutan perkataan Arab sudah tidak lagi disebut mengikut sifat dan artikulasi yang betul bagi setiap fonen mengikut sebutan tempatan (Melayu), maka sepatutnya bentuk tulisan juga berubah dan ditulis mengikut bunyi sebutan yang betul. Ini bermakna perkataan *saf* seharusnya ditulis صف bukan lagi سف. Begitu juga dengan *salji* dan *tasdik* sepatutnya ditulis سلجي dan تسديك bukan lagi تلج dan تصديق sesuai dengan sebutan Melayu.

Perubahan bunyi dan bentuk tulisan berdasarkan kaedah dan sebutan Melayu dapat dilihat pada perkataan pinjaman Inggeris seperti *screw* menjadi *skru*, *gazette* menjadi *gezet*, *discussion* menjadi *diskusi*, *communication* menjadi *komunikasi*, *community* menjadi *komuniti*, *driver* menjadi *derebar*, *book* menjadi *buku* dan sebagainya. Apakah kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu tidak boleh berlaku perubahan seperti tersebut? kenapakah berlaku perubahan pada sesetengah perkataan Arab seperti سجود (*sujud*) ditulis سوجود (istilah) menjadi ايسئيله دبر (*dubur*) ditulis دوبرور (*fulan*) ditulis فولن (*kolah*) ditulis كوله حجة (*hujah*) ditulis هوجه dan sebagainya?

Pendekatan fonetik yang menuntut supaya sebutan dan bunyi ditulis dalam bentuk fonen yang bersesuaian tanpa ada pengecualian dapat menyelesaikan banyak masalah dalam sistem tulisan Jawi yang bercelaru sekarang ini. Fonen [ص] dan [ث] yang terdapat dalam senarai konsonan tulisan Jawi seharusnya diselaraskan dengan sistem ejaan Rumi yang hanya menggunakan fonen [s] atau [س] sahaja. Ini kerana fonen [ص] dan [ث] bukan asal bahasa Melayu dan sebutannya lebih hampir kepada fonen [s] atau [س]. Mengikut pendekatan ini, dicadangkan perkataan Arab yang mengandungi fonen [ص] dan [ث] ditukar kepada [س] seperti صابون (*sabun*) dieja سابون (*subuh*) dieja صباح (*sabit*) dieja سابيت dan seumpamanya.

PENUTUP

Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan konsonan [ص] dan [س] dan [ث] sangat lemah dalam kalangan pelajar universiti yang mengambil jurusan bahasa Melayu. Ini disebabkan oleh sebutan [ص] dan [ث] sudah diasimilasikan dengan sebutan [س] disamping kesukaran mereka dalam mengenalpasti asal usul dan bentuk tulisan. Pengekalan bentuk tulisan asal kata pinjaman Arab dari segi konsonannya menyebabkan pengguna menghadapi masalah kerana

tidak mengetahui asal-usul sejarah bahasa dan aspek sosiol budaya Melayu dan Arab.

Perubahan ejaan perkataan pinjaman Arab dalam tulisan Jawi harus dilakukan selaras dengan kemampuan sebutan dalam kalangan orang Melayu dan sesuai dengan fonem dan konsonan asal yang terdapat dalam Bahasa Melayu. Oleh itu, dicadangkan bahawa perkataan yang menggunakan fonem [ص] dan [ث] harus diganti dengan fonen [س] atau [s] sahaja.

Perubahan sistem ejaan Jawi di Malaysia harus dilakukan berdasarkan pendekatan fonetik dan fonologi yang betul. Ini bertujuan bagi memperkasakan sistem ejaan Jawi supaya lebih mudah didekati dan dipelajari. Mempertahankan sistem ejaan Jawi yang bercelaru dan fanatik dengan sistem yang ada tanpa melihat bagaimana perubahan berlaku ke atas perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu merupakan suatu tindakan yang tidak dapat membantu proses perkembangan dan pembangunan tulisan Jawi di Malaysia.

RUJUKAN

- Abu Abdul Latif. (1993). *Kamus Pustaka Melayu – Arab*. Cet. ke-3. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Amat Juhari Moain. (2016). *Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu: Perubahan Bunyi dan Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Siah Che Man. (2014). *Pendekatan pengajaran Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kata Bahasa Melayu (Rumi-Sebutan-Jawi) (Cet. Pertama 2001, Edisi Kedua Cetakan Kedua 2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi*. (2016). Edisi kedua Cetakan kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid & Niswa @ Noralina binti Abdullah. (2009). Penguasaan Tulisan Jawi di Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam: Kajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (Ipta) Tempatan. Dlm. *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 4, 145 – 156.
- Hamdan Abdul Rahman. (2015). *Panduan menulis dan mengeja Jawi*. Edisi ke-2, cet. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Heah, Carmel Lee Hsia. (1989). *The Influence on English on the Lexical Expansion of Bahasa Malaysia*. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Indirawati Zahid & Abdul Hamid Mahmood. (2016). *Pengantar Fonetik*. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kementerian Pendidikan Malaysia (Asiah Abu Samah bekas Ketua pengarah pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1992.
- Matlob (1989). *Rahsia Belajar Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hussein Baharuddin (2002). *Sistem Tulisan Jawi*. Batu Caves: Pustaka Wira.
- Muhammad, Manaf Mahdi. (1998). *‘Ilm al-aswat al-lughawiyyah*. Beirut: ‘Alam al-Kutub.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penguasaan Jawi dan Hubungannya Dengan Minat dan Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Islam. Dlm. Jurnal Pendidik dan Pendidikan. Jil.22, 161-167. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaludin. (2015). *Asas Fonetik*. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (PEJYD). (1986). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad (Za‘ba). (1931). *Daftar Ejaan Melayu: Jawi-Rumi*. Singapura: Printes Ltd.
- Zainal Abidin Ahmad (Za‘ba). (1931). *Rahsia ejaan Jawi*. Singapura: Malaya Publishing House Limited.
- Zainal Abidin Ahmad (Za‘ba). (2009). *Rahsia ejaan Jawi*. Transliterasi Asmah Haji Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Prof. Madya Dr. Ab. Halim Mohamad
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang
E-mail: abhalim@upm.edu.my